

**KERJASAMA ANTARA OPEN UNIVERSITY MALAYSIA (OUM) DAN KOPERASI  
KKGLM MALAYSIA BERHAD**

1. Bagi mana-mana ahli koperasi yang mendapat tempat belajar di Open University Malaysia (OUM) dalam mana-mana program dan peringkat pengajian dan telah menerima pinjaman dari Koperasi berkenaan untuk membiayai yuran pengajian mereka, Koperasi akan membuat bayaran penuh yuran pengajian ahli secara tunai kepada OUM mengikut tempoh yang ditetapkan oleh OUM dan ahli berkenaan akan mendapat diskaun 5% dari yuran pengajian keseluruhan daripada OUM.
2. OUM juga akan menawarkan diskaun 10% dari yuran pengajian keseluruhan kepada Koperasi sekiranya pihak Koperasi dapat menyediakan setiap kohot pelajar terdiri dari 20 orang yang mendaftar dalam program yang sama pada setiap pengambilan pelajar.
3. Sekiranya pihak Koperasi hanya dapat menyediakan setiap kohot pelajar terdiri dari 10 orang sahaja yang mendaftar dalam program yang sama pada setiap pengambilan pelajar, OUM menawarkan diskaun 5% dari yuran pengajian keseluruhan.
4. Sekiranya jumlah ahli Koperasi yang ingin mengikuti sebarang program di OUM adalah 9 orang kebawah, maka OUM akan mengenakan yuran pengajian penuh seperti biasa.
5. Ahli yang tidak dapat menamatkan pengajian atas sebab-sebab tertentu di mana yuran pengajian penuh telah pun dibayar oleh pihak koperasi, OUM bersetuju untuk membayar balik yuran pengajian bagi baki semester program pengajian tertakluk kepada syarat dan peraturan OUM yang sedia ada.
6. Bagi Perkara (5) kaedah pengiraan bayaran balik yuran pengajian adalah seperti berikut, diambilkira jumlah ahli yang mendaftar dalam program yang sama dan pada satu semester yang berkenaan adalah 20 orang.

Contoh: Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Dengan Kepujian (14 semester dengan yuran program = RM24,840.00)

Diskaun yuran pengajian 15% (10% + 5%) = RM 3,726.00

Yuran selepas diskaun = RM 21,114.00

Yuran setiap semester = RM 1,508.00

Jumlah Semester Pengajian = 14

Jumlah Semester semasa yang telah diikuti = 4

Baki Jumlah Semester Pengajian = 10

Yuran Pengajian yang akan dikembalikan oleh OUM = RM 15,080.00

7. Pemulangan semula baki yuran pengajian akan dibuat terus kepada pihak Koperasi. Ia bertujuan untuk memastikan ahli tidak menyeleweng kemudahan ini.
8. Kaedah pengiraan yang sama akan dilakukan bagi jumlah bilangan pelajar dari mana-mana jenis kohot yang mendaftar.
9. Pihak Koperasi dan OUM akan saling mempromosi kemudahan ini dengan menghebahkannya melalui apa jua bentuk media atau majlis.
10. Pihak OUM bersetuju untuk menerima kohot bakal pelajar dari mana-mana Koperasi asalkan jumlah menepati bilangan kohot. Tetapi, hanya kohot berjumlah 10 atau 20 pelajar akan mendapat diskaun yang dinyatakan.
11. Segala terma dan syarat diatas tertakluk kepada perubahan polisi OUM dari masa ke masa.

BAHAGIAN KEWANGAN & PERANCANGAN

OPEN UNIVERSITY MALAYSIA.